



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### GERAK RAHMAH 2024 PARLIMEN TAMBUN: MEMUPUK PERPADUAN MELALUI JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN

---

**IPOH, 25 Mac 2024 – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bersama YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program GERAK RAHMAH 2024: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan & Penyampaian Sumbangan Rahmah Parlimen Tambun.**

Pelaksanaan program ini merupakan di bawah Kluster Komuniti Rahmah yang juga selaras dengan komitmen Kementerian Perpaduan Negara bagi memperkasa **Rukun Tetangga sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi.** Enam (6) nilai MADANI menjadi teras kepada pembinaan Komuniti Rahmah dengan menyuburkan sifat ihsan, jati diri, peduli, kasih sayang, hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, toleransi dan penerimaan dalam setiap rakyat Malaysia.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memelihara dan merekayasa perpaduan di peringkat komuniti sebagai suatu pelonjak kepada pembangunan dan pembinaan negara Malaysia yang lebih cemerlang dan harmoni. Dalam konteks ini, Rukun Tetangga memainkan peranan yang amat signifikan di peringkat komuniti khususnya di kala negara berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan keseluruhan penyertaan dianggarkan seramai empat ratus lima puluh (450) peserta terdiri daripada dua puluh (20) KRT Parlimen Tambun, sepuluh (10) agensi dan NGO. Sebanyak tiga puluh (30) periuk bubur lambuk dan sebanyak sepuluh ribu (10,000) bekas bubur diedarkan kepada semua penduduk sekitar. Selain memasak bubur lambuk, program ini juga mengedarkan sebanyak satu ratus lima puluh (150) sumbangan Kotak Rahmah.

Beliau turut menyatakan harapan agar program seumpama ini dapat **meningkatkan kesedaran dan menggerakkan peranan KRT sebagai agen penyatuan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih progresif.** Program ini juga diharapkan dapat mencapai matlamat untuk **Membangunkan Komuniti Rahmah selaras dengan Aspirasi Membangun Masyarakat MADANI.**

Selain itu, program Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan yang dilaksanakan pada 23 Mac 2024 serentak di seluruh negara dengan agihan lebih 600,000 bekas bubur lambuk oleh warga KRT membuktikan nilai kebersamaan di peringkat komuniti. Susulan dengan itu, Kementerian turut akan melaksanakan program Jom Ronda SRS serta Jom Bersih dan Indah serentak di seluruh negara pada tahun ini sebagai usaha mengukuhkan nilai kebersamaan di peringkat komuniti.

KPN juga merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik dan pemimpin-pemimpin diperingkat negeri, DUN, daerah yang bersama-sama menyemarakkan semangat perpaduan melalui program ini.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

25 Mac 2024

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat lapan (8) Jabatan/ Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )